

## Emoji dan ekspresi emosi dalam kalangan komuniti siber

*Emoji and emotion expressions among cyber community*

Norwati Mohd Zain  
[zainnorwati@gmail.com](mailto:zainnorwati@gmail.com)

Hishamudin Isam  
[din@uum.edu.my](mailto:din@uum.edu.my)

Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia

DOI: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol10.2.2019>

### ABSTRAK

Kajian mengenai penggunaan emoji sebagai salah satu bentuk ekspresi emosi sebelum ini sangat terikat dengan pengkategorian emoji berdasarkan ciri yang tipikal seperti persamaan dari segi makna, fungsi dan nilai. Kajian ini menjelaskan pemahaman makna penggunaan emoji yang mengiringi ekspresi emosi [marah] dalam rangkaian media sosial khususnya melalui [www.facebook.com](http://www.facebook.com). Pemahaman makna penggunaan emoji yang mengiringi ekspresi emosi marah dianalisis berpandukan pendekatan disiplin linguistik korpus. Hasil analisis menunjukkan penggunaan emoji yang mengiringi ekspresi emosi [marah] telah membentuk konsep makna marah seperti [meluat], [mengamuk], [benci], [takut], peristiwa dan tindakan. Kajian ini diyakini mampu memperjelaskan fenomena penggunaan bentuk visual emoji, reaksi wajah dan ekspresi emosi [marah] dalam kalangan komuniti siber.

**Kata Kunci:** *facebook; emoji; ekspresi; emosi; marah.*

### ABSTRACT

*The previous studies on the use of emoji as one form of emotion expressions were tightly tied to the categorisation of emoji based on typical features such as similar meanings, functions and values. This study explains the connotation understanding of emoji usage in representing the emotion expressions of [anger] in a social media such as www.facebook.com. The connotation understanding of emoji usage that represents the emotion expressions of [anger] is analysed under the guidance of corpus linguistic discipline approach. The analysis result showed that the emoji usage was able to represent the emotion expressions of [anger] even formed the concept of anger connotation such as [disgust], [tantrum], [hate], [fear], event and action. This finding proved that semantic studies are able to understand of emoji usage that accompany the emotion expressions of [anger] within the cyber world.*

**Keywords:** *facebook; emoji; expression; emotion; anger*

### PENGENALAN

Penggunaan emoji bukanlah sesuatu yang asing bagi komuniti digital khususnya dalam dunia siber. Penggunaan emoji yang berdasarkan ideogram mendapat perhatian komuniti siber kerana keterbukaan dunia siber untuk menerima apa sahaja bentuk maklumat digital sebagai salah satu medium komunikasi penggunanya. Secara umumnya, penggunaan emoji hanyalah sebagai objek dalam penulisan teks. Namun demikian, fungsi penggunaan emoji dalam teks menjadi semakin menarik apabila kehadiran emoji yang dikatakan mampu memberi nilai tambah yang positif kepada perhubungan dalam dunia siber (Dresner & Herring, 2010; Riordan, 2017; dan Soffer, 2010). Emoji sebenarnya bermula daripada emotikon yang dipopularkan daripada tulisan Jepun iaitu ‘kao’ (wajah) dan ‘moji’ (karektor) serta direpresentasikan dalam bentuk teks dengan menggunakan tanda baca, dan

nombor (Ruan, 2011). Emoji mula diperkenalkan oleh Shigataka Kurita pada akhir tahun 1990-an untuk digunakan oleh pengguna telefon pintar buatan Jepun. Sarkar, Shetty dan Humstoe (2014) dalam kajian mereka membuktikan 98 peratus pengguna digital mengenali lambang emoji seperti 😊 (senyum) dan 😞 (sedih). Kini bentuk emoji telah bertukar kepada kod universal *American Standard Code for Information Interchange* (Unicode ASII, 2016 & 2017) melalui kombinasi gambar, karektor, nombor dan huruf. Emoji hadir dan diguna pakai dalam semua bentuk perkakasan elektronik seperti telefon pintar, tablet dan sebagainya sehingga menyebabkan emoji menjadi popular di seluruh dunia. Penggunaan emoji bukan sahaja berlaku dalam perbualan digital, malah melangkaui e-mel, rangkaian media sosial, pesanan ringkas, panggilan telefon digital dan panggilan video.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada umumnya, emoji hanyalah sebahagian daripada gambar berbentuk visual yang digunakan sebagai objek kepada penulisan teks dalam dunia digital. Namun demikian, penggunaan emoji telah mempengaruhi cara individu untuk mengekspresi emosi mereka secara terbuka dalam dunia siber. Ekspresi emosi pula merujuk kepada tindak balas individu kepada rangsangan persekitaran, konteks dan pengalaman sedia ada serta dapat dikenal pasti melalui reaksi wajah yang hadir secara semula jadi dalam diri individu dan berkait rapat dengan aktiviti sosial (Ekman & Cordaro, 2011, Izard, 2009; dan Plutchik, 1980). Emosi ditandai dengan penggunaan enam terma emosi dalam linguistik iaitu gembira, sedih, takut, marah, terkejut dan meluat (Ekman, 2016; Jarrel & Lajoie, 2017; dan Nelson, Hudspeth, & Russell, 2013). Kajian dalam bidang bahasa menjelaskan bahawa seseorang individu lebih gemar mengekspresi emosi mereka secara bersemuka sewaktu berkomunikasi kerana aksi-aksi non verbal seperti senyuman, gerak tubuh dan fokus mata yang dipamerkan sewaktu berkomunikasi dapat ditafsirkan secara terus oleh kedua-dua pihak (Gendron, Roberson, van der Vyver, & Barrett, 2014; dan Hamza Alshenqeeti, 2016). Hal ini agak berbeza bagi komunikasi dalam dunia siber kerana pengguna media siber didapati mengekspresi emosi dengan cara menggantikan aksi non verbal dalam bentuk tulisan seperti huruf besar (jerit), tanda seru (gembira) dan penggunaan emoji. Penggunaan emoji adalah kaedah paling pantas untuk mengekspresi emosi dalam dunia siber dan akan memberi pelbagai interpretasi hasil daripada konteks, budaya, dan tone emosi pengguna (Lucas, 2016; Riordan, 2017; dan Tossell, Kortum, Shepard, Barg-Walkow, Rahmati, & Zhong, 2012;).


Meskipun penggunaan emoji adalah bersifat universal, namun pemahaman kepada makna penggunaan emoji yang mengiringi ekspresi emosi adalah sangat bergantung kepada budaya penggunanya (Siti Hamim Stapa, & Azianura Hani Shaari, 2012). Sebagai contoh, aksi senyum dalam perbualan secara langsung (*face to face*) menggambarkan perasaan gembira pengguna, namun apabila lambang 😊 digunakan dalam teks, akan memberi interpretasi yang pelbagai bukan sahaja ekspresi emosi tetapi mungkin berupa sindiran sinis kepada orang lain (Thompson & Filik, 2016). Sebagai contoh penggunaan emoji wajah dengan saiz mata yang besar 😍 bagi mewakili ekspresi marah ditafsirkan sebagai serangan peribadi kepada sesetengah masyarakat timur manakala sesetengah komuniti Barat menganggap bahawa emoji wajah tanpa mulut 😊 sebagai satu pelanggaran hak bersuara (Sarkar, et. al, 2014).

Berdasarkan kepada kajian-kajian lalu, maka dapat disimpulkan bahawa perlunya satu kajian mengenai penggunaan emoji dan ekspresi emosi dalam komuniti siber dilaksanakan secara serentak berpandukan kepada kaedah kajian yang bersifat sistematis, empirikal serta saintifik. Dalam meneliti penggunaan emoji dan ekspresi emosi dalam komuniti siber, penyelidik telah menggunakan kaedah kajian linguistik sebagai asas kajian. Hal ini berpadanan dengan pendapat Nor Hashimah Jalaluddin (2006 & 2012), iaitu kriteria pengamatan, penghuraian dan penjelasan yang terdapat dalam kajian-kajian linguistik mampu menjadikan kajian linguistik lebih bersifat saintifik. Bagi memenuhi tuntutan kajian tersebut, maka kajian mengenai emoji dan ekspresi emosi dalam kalangan komuniti siber akan dikupas dan diuraikan menggunakan kaedah analisis linguistik korpus (LK). Kaedah analisis, iaitu LK adalah signifikan kerana kaedah ini mampu memberikan gambaran kepada konteks sebenar penggunaan emoji dan ekspresi emosi dalam komuniti siber dengan menggunakan data bahasa yang natural sifatnya.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk analisis kandungan berpandukan kepada kaedah yang disarankan oleh Krippendorff, (1980); Neuendorf, (2017); dan Boréus dan Bergström, (2017) dengan menggunakan data daripada [www.facebook.com](http://www.facebook.com) (FB). Data yang digunakan dalam kajian rintis ini telah dimuat turun secara rawak daripada suapan berita di laman peribadi pengguna Fb. Data yang dimuat turun tersebut berkategori data terbuka serta dipamerkan oleh pemilik akaun untuk bacaan umum. Sebanyak 100 akaun milik peribadi pengguna Fb telah dipilih sebagai data kajian bermula dari bulan November 2017 hingga Jun 2018. Proses pemilihan data adalah melalui kaedah pengiklanan siber (KPS) dengan mengumpulkan seramai 100 pemilik akaun Fb yang bersetuju membenarkan penyelidik menggunakan suapan berita dalam akaun peribadi untuk tujuan kajian. Kriteria utama pemilihan data Fb ialah pengguna Fb adalah pemilik sah akaun Fb, berusia 18 hingga 45 tahun, menggunakan Bahasa Melayu sewaktu menulis berita di Fb, berita adalah hasil idea penulis sendiri serta pengguna menulis dalam suapan berita sekurang-kurangnya 5 kali seminggu.

Proses pemerolehan data daripada sumber Fb dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dimulai dengan proses memuat turun teks serta memindahkan format teks ke dalam bentuk digital. Penyelidik juga melaksanakan proses mengimbas kod emoji yang telah diselaraskan dalam bentuk *American Standard Code for Information Interchange* (Unicode ASII). Unicode ASII adalah standard bagi semua bentuk emoji dan pemilihannya sangat penting bagi mengelakkan kekeliruan kerana bentuk emoji adalah tidak sama bagi setiap peranti digital yang digunakan oleh para pengguna (Evans, 2012; dan Tigwell, Garreth, & David, 2016). Proses pengesahan, pembetulan serta penandaan teks digital dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan bantuan perisian *wordsmith tools 7.0* (Scott, 2016). Fasa keseluruhan bagi proses keseluruhan metodologi kajian ini dapat diperhatikan dalam rajah 1 berikut:



**RAJAH 2:** Proses Metodologi Kajian Emoji Dan Ekspresi Emosi Dalam Kalangan Pengguna Facebook

Selanjutnya, melalui proses pemerolehan dan penandaan teks telah menghasilkan himpunan data korpus digital kajian ini. Data dipindahkan dalam bentuk jadual dengan memuatkan statistik terperinci data sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual 2. Jadual 2 menunjukkan statistik data FB dari bulan November 2017 hingga Jun 2018. Sebanyak 193,240 jumlah penggunaan leksis (*token*) dan 86,428 jenis leksis (*type*) serta 437,545 jenis emoji telah digunakan dalam Fb. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 537,545 emoji (361,523 wajah dan 176,022 simbol) telah digunakan dalam ruangan berita dan komen pembaca Fb. Untuk kajian rintis, penyelidik hanya menggunakan emoji berbentuk wajah yang berjumlah 261,523 untuk dianalisis. Sila perhatikan jadual 1 berikut:

**JADUAL 1:** Statistik Data Facebook dari November 2017 hingga Jun 2018

Perkara	Jumlah
Akaun Fb	100
Jumlah Penggunaan leksis ( <i>token</i> )	193,240
Jumlah Penggunaan Jenis leksis ( <i>type</i> )	86,428
Jumlah Penggunaan Emoji	537,545
Jumlah Penggunaan Emoji (wajah)	361,523
Jumlah Penggunaan Emoji (simbol)	176,022

Seterusnya, hasil sisihan emoji berbentuk wajah, simbol dan ekspresi emosi dalam bentuk kata telah diperincikan dalam bentuk jadual bagi memudahkan proses pemilihan data kajian. Jadual 2 berikut menunjukkan jumlah penggunaan emoji wajah dan simbol yang mengiringi ekspresi emosi dalam kalangan pengguna Fb.

**JADUAL 2:** Jumlah Emoji yang Mengiringi Ekspresi Emosi dalam Data Facebook dari November 2017 hingga Jun 2018

Bil	Emoji (wajah)	Emoji (simbol)	Ekspresi Emosi
1	41,885	20,298	Terkejut
2	91,298	31,844	Marah
3	51,228	11,750	Sedih
4	54,250	26,001	Gembira
5	81,117	23,906	Takut
6	36,065	14,415	meluat

Dapatan data menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 91,298 emoji wajah telah digunakan untuk mengekspresi emosi [terkejut], diikuti oleh [takut] (81,117), [gembira] (54,250), [sedih] (51,228), [terkejut] (41,885) dan [meluat] (36,065). Manakala emoji berbentuk simbol paling banyak digunakan untuk mengekspresi emosi [marah] (31,833), [gembira] (26,001), [takut] (23,906), [terkejut] (20,298), [meluat] (14,415) dan [sedih] (11,750). Hasil dapatan data dalam jadual 1 dan 2 merekodkan jumlah ekspresi emosi [marah] adalah paling tinggi digunakan oleh komuniti Fb dan jumlah tinggi ini juga terdapat dalam penggunaan emoji (wajah & simbol) yang mengiringi emosi [marah]. Untuk tujuan analisis dalam kajian rintis, maka penyelidik hanya akan menggunakan bentuk emoji dan ekspresi emosi yang tertinggi, iaitu emoji wajah dan ekspresi emosi [marah].

Selain itu, proses saringan dilaksanakan dengan meneliti bentuk-bentuk emoji wajah yang terdapat dalam data. Hasil dapatan menunjukkan sebanyak lima jenis emoji tertinggi yang mengiringi ekspresi emosi [marah] dalam data Fb, iaitu emoji 😢 U+1F602 (24,040); 😟 U+1F61E (16,780); 😠 U+1F61D (12,950); 😃 U+1F604 (12,804); dan 😡 U+1F62B (9430). Jumlah keseluruhan data penggunaan emoji tersebut dapat diperhatikan dalam Jadual 3 berikut:

**JADUAL 3:** Jumlah Kekerapan Penggunaan Emoji yang Mengiringi Ekspresi Emosi Marah dalam Fb.


Ekspresi Emosi	Ikon Emoji	Kod	Jenis emoji	Jumlah
marah	😂	U+1F602	Positif	24,040
	😔	<a href="#">U+1F61E</a>	Negatif	16,780
	😠	U+1F61D	Neutral	12,950
	😃	U+1F604	Positif	12,804
	😡	U+1F62B	Neutral	9,430
Jumlah Keseluruhan				76,004

Berpandukan kepada dapatan data dalam jadual 3, maka penyelidik telah memilih untuk menggunakan lima jenis emoji berbentuk wajah yang mengiringi ekspresi emosi [marah] untuk dianalisis dalam kajian rintis ini. Pemahaman makna penggunaan emoji yang mengiringi ekspresi emosi [marah] dianalisis dengan berpandukan kaedah analisis dalam disiplin linguistik korpus (Sinclair, 1991). Setiap tema yang terbentuk akan ditentusahkan kedudukan maknanya berdasarkan penggunaan emoji yang mengiringi ekspresi emosi [marah] sebelum pemahaman makna keseluruhan ekspresi emosi [marah] dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bahagian seterusnya.

## TEORI KAJIAN

Fokus kajian ini ialah untuk menjelaskan pemahaman makna penggunaan emoji yang mengiringi ekspresi emosi [marah] dalam rangkaian media sosial iaitu Facebook. Kajian ini akan memanfaatkan kaedah yang digunakan dalam teori linguistik korpus dalam menganalisis data Fb. Teori LK menggunakan data korpus dalam bentuk tulisan atau lisan sebagai medium kajian. Sinclair (1991) mengklasifikasikan penerapan teori LK melalui “*a collection of naturally occurring language text, chosen to characterize a state or variety of a language*” (hlm. 171). LK memanfaatkan koleksi teks bahasa yang terhasil secara tabii dan bukanlah data yang direka-reka untuk tujuan tertentu dan data tabii tersebut dipilih untuk membuktikan kehadiran kepelbagaiannya (Stubbs, 1996; Sinclair, 1991; dan McEnery, & Wilson, 2001; Tognini, 2001; dan Stewart, 2010). LK menekankan penelitian spesifik berkaitan rentang kata yang mengandungi leksis kata kunci dalam kajian dan kolokasi. Kepentingan khusus LK dalam kajian ialah untuk menjelaskan fenomena penggunaan leksis kata kunci berdasarkan penggunaan leksis dominan yang berkolokasi dengan leksis kata kunci. Leech (1992) mengakui bahawa teori LK memanfaatkan bentuk pemprosesan leksis secara praktis kerana sebahagian besar analisis dilaksanakan secara automatik dengan aplikasi perisian berkomputer, dan secara tidak langsung telah menerbitkan penelitian dan pemikiran yang baru terhadap fenomena penggunaan leksis.

Pemahaman konsep asas teori LK yang diaplikasi dalam kajian ini dapat diperhatikan melalui rentang kata yang mengandungi kunci kajian iaitu leksis [aku]. Perhatikan rajah 1 berikut:



**RAJAH 1:** Contoh rentang kata yang mengandungi leksis kata kunci kajian, dan leksis kolokasi kanan serta kiri kata kunci kajian berpandukan teori lingustik korpus

Rajah 1 memaparkan contoh rentang kata yang mengandungi kata kunci yang diteliti dalam kajian iaitu leksis [aku]. Penelitian dimulakan dengan meneliti kolokasi kiri dan kanan kata kunci [aku]. Urutan nombor yang diberikan sama ada di sebelah kiri atau sebelah kanan [aku] adalah mewakili urutan kekuatan kata kunci [aku] digandingkan dengan kata yang berkolokasi (berdekatan) dengannya. Sebagai contoh, kolokasi di sebelah kanan bagi kata kunci [aku] ialah *tak* (1), *cantik* (2), *sebab* (3), *leper* (4), manakala sebelah kirinya pula diwakili oleh *macam* (1), *kurus* (2), *kalau* (3) dan *perempuan* (4). Semakin menaik urutan nombor kolokasi kata kunci kajian, maka semakin jauh kekuatan pengaruh kata tersebut kepada leksis [aku] dan begitu pula sebaliknya. Kekuatan kolokasi kanan dan kiri kata kunci kajian diperhatikan melalui jumlah frekuensi pengulangan kata tersebut dalam teks.

Teori LK telah membantu menghuraikan makna sesuatu leksis secara sistematis malah ramai sarjana telah memanfaatkan teori LK dalam kajian mereka. Antara kajian yang menggunakan teori yang sama

ialah kajian terhadap citra lelaki dulu dan kini dalam prosa Melayu (Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal, 2006); perubahan domain dalam memaknakan darah (Hishamudin, Mashetoh, Norma & Nasariah, 2015) dan peluasan makna kata nafi bukan dan tidak (Nasroniazam Abu Bakar Sidiq, 2016).

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada penggunaan emoji dan ekspresi emosi dalam kalangan komuniti siber. Batasan kajian hanya meliputi penggunaan emoji dan ekspresi emosi [marah] dalam data Fb. Berpandukan kepada kaedah analisis yang disarankan dalam disiplin LK, maka diperturunkan dapatan kajian penggunaan emoji dan ekspresi emosi [marah] dalam Fb. Dapatkan data menunjukkan berlaku kekerapan penggunaan lima bentuk emoji yang mengiringi ekspresi emosi [marah] dalam Fb. Antaranya ialah emoji 😊 (senyum gembira), 😃 (tersengkeh); 😂 (senyum mengejek), 😤 (keletihan) dan 😞 (murung). Bentuk emoji 😊 (senyum gembira) didapati sangat kerap mengiringi ekspresi emosi [marah] berbanding bentuk-bentuk emoji yang lain. Dapatkan data turut menunjukkan bahawa emoji 😊 (senyum gembira), 😃 (senyum bangga) sering hadir secara serentak mengiringi emosi [marah]. Huraian dapatan data dapat diperhatikan seperti berikut,

a) *Emoji 😊 (senyum gembira) dan emoji 😡 (tersengkeh) mengiringi emosi [marah] + kata kerja [meluat].*

Emoji 😊 (senyum gembira) dan emoji 😃 (senyum bangga) yang mengiringi leksis emosi [marah] dalam ayat 1 hingga 5 didapati saling berkolokasi dengan leksis [meluat] sehingga menyerlahkan tindakan individu secara pasif. Perhatikan ayat-ayat berikut;



Emosi [marah] akan bergabung dengan emosi [meluat] apabila berlaku layanan buruk yang diterima oleh seseorang individu. Contohnya “...*suri rumah tak boleh lalu sini...*” (3), “... *lain kali cakap pandang lah orang kat belakang...*” (ayat 4), “*si shah sompong dgn aku...*” (5). Selain itu, terdapat juga emosi [marah] yang berkolokasi dengan emosi [meluat] yang berpunca dari perasaan individu yang tidak dihargai seperti “*berKORBAN utk org yang x reti hargai memang membazir*” (1). Kehadiran emoji yang mengiringi emosi [marah] turut mempengaruhi keinginan untuk bertindak balas namun tindakan tersebut adalah secara pasif berupa sungutan melalui penggunaan leksis *nak*.

Buktinya dapat diperhatikan dalam ayat sampai rasa nak terkentut-kentut (5), aku nak sakitkan hati semua orang (1) dan 😂 aku rasa nak maki mulut lahanat tu (3).

b) *Emoji 😃 (senyum gembira) dan emoji 😡 (senyum mengejek) mengiringi emosi [marah] + [mengamuk].*

Perhatikan contoh kolokasi penggunaan emoji 😃 (senyum gembira) dan emoji 😡 (senyum mengejek) mengiringi leksis emosi [marah] dan [mengamuk] yang menyerlahkan tindakan agresif dalam ayat-ayat berikut,

6. Nanti org lain yg kawin, org lain yg kna \*\*\*[marah]\*\*\* 😡 😃 aku dah mengamuk terajang kau masuk parit 🙌 😡 Jangan masuk campur urusan aku blh tk?
7. hahaha..smua rasa ada ni..kau dah bagi signal duakan aku pastu suruh aku jgn \*\*\*[marah?]\*\*\* Haa.. aku dah mengamuk malam ni 😂 pecah satu rumah 💣 😡 😡
8. Kita boleh end up dengan cara baik kan? Kenapa buat aku 😃 \*\*\*[marah]\*\*\* dan mengamuk siap angkat tangan ni? Aku tak kesah kau dah ada yang lain cuma aku terkilan sikit je. Sebelum tu biar aku sambung ngamok dulu 😡 😡 😡 😡
9. pernah kena tgur dek mak slps betol2 sedar dari mengamok 😡 😡 \*\*\*[marah]\*\*\*. ya lah aku ngaku si Ain kawin ngan org lain, sb tu aku marah, geram semua ada .. 😂 😡.. dulu aku sikit pun tak peduli sgt about agama .. jahil sesgt masa tu . 💣
10. pasal sotong goreng tepung je dia boleh \*\*\*[marah]\*\*\* mengamuk selerak barang macam babi 😡 😡 Aku hentak tersandar kat meja tu 😂 😂

Contoh-contoh ayat dia atas menyerlahkan beberapa tindak balas agresif bagi mengekspresi emosi [marah]. Emozi yang mengiringi emosi [marah] dalam ayat 6 hingga 10 ialah emoji 😂 dan 😡. Makna [marah] dalam ayat-ayat ini berkait rapat dengan peristiwa pelaku yang tidak berpuas hati dan terbukti melalui kekerapan pengulangan emosi [marah] dan kata kerja [mengamuk] yang turut ditandai oleh emoji 😡. Contohnya, ...nanti org lain yg kawin, org lain yg kna... (6), dan ...pasal sotong goreng tepung je...(10). Emosi [marah] turut menjadi punca kepada tindakan agresif seperti ...\*\*\*[marah]\*\*\* 😡 😃 aku dah mengamuk terajang kau masuk parit 🙌 😡 ... (6), dan ...suruh aku jgn \*\*\*[marah?]\*\*\* Haa.. aku dah mengamuk malam ni 😂 pecah satu rumah 💣 😡 😡 ... (7). Tindakan daripada peristiwa tidak puas hati pula menjurus kepada bentuk ugutan mahupun tindakan fizikal. Ini dapat dikenal pasti melalui penggunaan leksis *terajang*, *pecah rumah*, dan *selerak barang*.

c) *Emoji 😃 (senyum gembira) dan emoji 😰 (keletihan) mengiringi leksis emosi [marah] + [terkejut]*

Penggunaan emoji 😃 (senyum gembira) yang berkolokasi dengan emoji 😰 (keletihan) telah membantu menghuraikan emosi [marah] yang menyerlahkan sindiran. Ekspresi [marah] dalam ayat 11 hingga 15 melibatkan kekerapan pengulangan [marah] dan kolokasinya dengan emosi kata kerja [terkejut]. Contohnya dapat diperhatikan dalam ayat berikut;

11. 😂 😃 .tahu buang najis kat toilet tapi tak tahu nak tekan flush!! 💣 \*\*\*[Marah]\*\*\* dan terkejut 😰 💣 😂 betullah aku dengan manusia bongok ni. Kucing pun tahu nak tutup taik die daripada orang bau dan tahu..inikan manusia, Apa jenis manusia tu...?Bangang kabahlol? 😰
12. Auuuummmmm 😰 ada org marah dan sound.."takay la bajet Alim sgt. 😰 😰 😃 😂 😃 .aku jawab.."sampai bila nak bajet Kapir?..." 💣 😰 😂 😂 aku terkejut \*\*\*[marah]\*\*\* oii 😰 ~ Ya Allah, jgn kau letakkan aku di kalangan mereka yg bangang dan bahlol..amin. 😂 😃
13. 😂 macamanalah kita tak terkejut dan 😰 \*\*\*[marah]\*\*\*? 💣 rakyat mengeluh atau marah je kau dah halau, suruh buat sendiri.. kejam tul.. 😂 sila letak jawatan...gaji rakyat byr bnyk cekadak laki menteri manguk hayun 2 3 ekor tu... 💣 💣 💪

- 14 Cadangan buat grab kalau ada driver pengkid kan apa kata kat app tu letak nama dia pastu dalam kurungan pengkid 😂. Contohnya, Nurul Izzati (pengkid). Takdela \*\*\*[marah]\*\*\* 😡 😡 or terkejut 😅 nama dalam app pompuan melayu terakhir sekali tetiba datang driver jantan bertopi. 😡 😡
- 15 I bukan apa, I tau you teringin sangat nak belajar diving but diving suit tu ketat sangat 😣 nanti ikan semua naik ke darat sebab 😡 \*\*\*[marah]\*\*\* 😅 😅 dan terkejut bila tengok lemak kat perut you 😱 😱

Antara peristiwa yang mendorong frekuensi penggunaan emoji 😂 😡 mengiringi leksis emosi [marah] + kata adjektif [terkejut] ialah apabila berdepan dengan peristiwa melibatkan sikap masyarakat. Bukti ini dapat diperhatikan dalam ayat 😂 😂. *tahu buang najis kat toilet tapi tak tahu nak tekan flush!!* 😡 \*\*\*[Marah]\*\*\* *dan terkejut 😡 😡 😂 betullah aku dengan manusia bongok ni ...(11), ... sampai bila nak bajet Kapir?..* 😡 😡 😂 *aku terkejut \*\*\*[marah]\*\*\* oii 😡 ...(12)* dan 😂 *macamanalah kita tak terkejut dan 😡 \*\*\*[marah]\*\*\*?* 😡 *rakyat mengeluh atau marah je kau dah halau, suruh buat sendiri... (13).* Tindakan daripada peristiwa yang berlaku melibatkan frekuensi penggunaan emoji 😂 dan 😡 dalam data Fb lebih kepada tindakan pasif sindiran secara senyap. Namun hal yang berbeza berlaku apabila emoji 😂 dan 😡 mengiringi emosi [marah] dalam ayat 16 hingga 20. Perhatikan,


*d) Emoji 😊 (senyum gembira) dan emoji 😔 (murung) mengiringi leksis emosi [marah] + leksis [takut]*

- 16 Bila tgh drive, dtg angin 😊 \*\*\*[marah]\*\*\* kami takut 😕, dia bawa kereta laju laju 😕 💩 tak hirau kami anak-beranak 😕 😂 💩 💩. sengaja cari fasal? Naya.. 😡 😂
- 17 dia duk samakan muka anak ko ngan haiwan2 liar yang bertebangan or bergayutan kat luar sana...? kurang diajar ni 💣 😕 😕 😕 😂 😂 mmg harusla sgt2 \*\*\*[marah]\*\*\* *takut kena 💣 💣 ... menyampah ... etc... hurmmm...*
- 18 Bila sya \*\*\*[marah]\*\*\* *takut*, suami slu ckap klu tak suka blh pergi tinggkan dia tp jgn bwak ank2.., 😕 😔 😕 😂 *aku tkut hilang anak.*
- 19 Dulu kita nak \*\*\*[marah]\*\*\* *dan takut bersuara sebab takut kena gam* 😕 😂 😕. Kini bila boleh bersuara, bukan main lantang melintang telentang.. jgn sampai hak bersuara kita dirampas balik.. pikirkan sama sama.. 😕 😕
- 20 😕 ha..hari ni gaduh lgi. x reti bahasa betul laki aku nih, bahlol, vodo..ok, aku mmg \*\*\*[MARAH]\*\*\*!!!.. 😕 😂 *aku takut tak blh tahan sabar 💣 💣 je sshnye 😕 😂*

Ayat-ayat 16 hingga 20 memperlihatkan kecenderungan ekspresi emosi [marah] yang berkolokasi dengan emosi yang melibatkan kata kerja [takut] sehingga membentuk rasa serba salah dalam kalangan komuniti. Ekspresi emosi [marah] dan kata kerja [takut] hadir apabila seseorang individu berdepan dengan peristiwa keganasan sama ada melibatkan rumah tangga atau dalam komuniti. Buktinya dapat diperhatikan dengan pengulangan emosi [marah] yang berkolokasi dengan emosi yang melibatkan kata kerja [takut] dalam ayat ...*Bila tgh drive, dtg angin 😊 \*\*\*[marah]\*\*\* kami takut 😕, dia bawa kereta laju laju 😕 💩 tak hirau kami anak-beranak 😕 😂 💩 💩* (16), *Bila sya \*\*\*[marah]\*\*\* *takut, suami slu ckap klu tak suka blh pergi tinggkan dia tp jgn bwak ank2.., 😕 😔 😕 😂 *aku tkut hilang anak* (18), dan 😕 ha..hari ni gaduh lgi. x reti bahasa betul laki aku nih, bahlol, vodo..ok, aku mmg MARAH!!!.. 😕 😂 *aku takut tak blh tahan sabar 💣 💣 je sshnye 😕 😂* (20).* Susulan daripada kekerapan pengulangan emoji serta leksis emosi [marah] yang berkolokasi dengan kata kerja takut telah mendorong kepada tindakan berhati-hati. Hal tersebut dapat diperhatikan melalui pengulangan leksis naya, kena, dan sabar dalam ayat.*

## PERBINCANGAN

Berpandukan kepada hasil penelitian terhadap data Fb didapati bahawa terdapat 5 jenis emoji yang mengiringi emosi [marah] dalam Fb. Emoji yang mendominasi keseluruhan kajian ini ialah emoji berkod U+1F602 berbentuk 😂. Emoji dikenali dengan nama *Face With Tears of Joy* (senyum gembira). Kehadiran emoji 😂 (senyum gembira) bergandingan dengan emoji 😊 (tersengeth) yang mengiringi ekspresi emosi [marah] telah menyebabkan timbulnya emosi [meluat] yang dapat dikenal pasti melalui peristiwa melibatkan layanan buruk serta rasa tidak dihargai individu. Seterusnya gandingan emoji 😃 (senyum gembira) dan emoji 😠 (senyum mengejek) telah membentuk makna ekspresi [marah] yang dikaitkan dengan emosi yang berkaitan dengan kata kerja[mengamuk] serta tindakan agresif melibatkan rasa tidak puas hati individu. Begitu juga halnya dengan penggunaan emoji 😕 (keletihan) dan emoji 😞 (kecewa) yang masing-masing membentuk ekspresi [marah], [terkejut], [mengamuk] dan [takut] apabila melibatkan isu sikap masyarakat, gurauan melampaui batas, keganasan dan hak. Dapatan keseluruhan kajian rintis ini dapat diperincikan dalam rajah 3 berikut:



RAJAH 3: Kombinasi Emoji yang Mengiringi Ekspresi Emosi [marah] dalam Kalangan Komuniti Fb

Rajah 3 memaparkan kombinasi penggunaan emoji yang dikesan dalam data kajian. Emoji yang digunakan mengiringi ekspresi emosi [marah] komuniti Fb. Ekspresi emosi [marah] pula dikenal pasti melalui kolokasi [marah] dengan emosi *meluat*, *mengamuk*, *terkejut* dan *takut*. Kehadiran emoji dan ekspresi emosi turut didorong oleh peristiwa melibatkan *layanan*, *tidak puas hati*, *sikap* dan *keganasan*. Peristiwa tersebut telah menghasilkan tindakan pengguna Fb sama ada *bersungut*, *ugutan*, *senyap* dan *berhati-hati*. Semua kombinasi emoji, emosi, peristiwa dan tindakan komuniti Fb dianalisis menggunakan teori LK.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kehadiran emoji dalam teks digital semakin popular dalam kalangan pengguna dunia siber. Namun demikian, kehadiran emoji yang mengiringi ekspresi emosi dalam teks sukar untuk diterjemahkan secara literal. Faktor utama mengapa emoji tidak mampu diterjemah secara mudah antara penulis dan pembaca dalam dunia digital adalah kerana emoji sering dianggap sebagai pelengkap kepada komunikasi non verbal. Maka analisis ini telah membuktikan bahawa kaedah linguistik korpus telah dapat merungkai persoalan berhubung penggunaan emoji dan ekspresi emosi

[marah] dalam kalangan komuniti Fb. Skovholt, Groonning dan Kankaanranta (2014) menjelaskan bahawa penggunaan emoji sama ada dalam bentuk aksi wajah mahupun bentuk simbol akan mempengaruhi interpretasi pembaca. Tambahan pula, penggunaan emoji menjadi popular kerana telah dijadikan sebagai pengantar kepada ekspresi emosi pengguna (Subashini & Sobihatun Nur, 2017). Malahan penggunaan emoji dalam khalayak siber turut berfungsi sebagai alat untuk mengeratkan hubungan emosi antara komuniti tersebut (Hsieh & Tseng 2017).

Seterusnya, dengan kajian rintis yang dilakukan ini diharapkan dapat memberi pencerahan kepada struktur makna penggunaan emoji yang mewakili ekspresi emosi dalam kalangan pengguna siber khususnya Fb. Emoji diyakini mampu memperjelaskan kaitan antara bentuk visual emoji, reaksi wajah dan ekspresi emosi marah dalam kalangan komuniti siber. Penemuan ini membuktikan bahawa kombinasi kaedah linguistik korpus yang dijalankan secara empirikal dan saintifik mampu menyelesaikan masalah pemahaman makna penggunaan emoji yang mengiringi ekspresi emosi [marah] dalam dunia siber.

## **RUJUKAN**

- Boréus, K. & Bergström, G. (2017). *Analyzing text and discourse: Eight approaches for the social sciences*. Los Angeles: SAGE.
- Dresner, E. & Herring, S. C. (2010). Functions of the nonverbal in CMC: Emoticons and illocutionary force. *Communication Theory*, 20, 249-268.
- Ekman, P. (2016). What Scientists Who Study Emotion Agree About. *Perspectives on Psychological Science*, 11(1), 31-34.
- Ekman, P. & Cordaro, D. T. (2011). "What is meant by calling emotions basic. *Emotion review*, 3(4), 364–370.
- Evans, V. (2012). Cognitive linguistics. *WIREs Cogn. Sci*, 3, 129-141.
- Gendron, M., Roberson, D., van der Vyver, J. M., & Barrett, L. F. (2014). Perceptions of emotion from facial expressions are not culturally universal: Evidence from a remote culture. *Emotion*, 14, 251-262.
- Hamza Alshenqeeti. (2016). Are emoji creating a new or old visual language for new generations?: A socio-semiotic study. *Advances in Language and Literary Studies*, 7(6), 56-9.
- Hishamudin, Mashetoh, Norma, & Nasariah. (2015). Perubahan domain dalam memaknakan darah: Analisis gaya komunikasi dalam peribahasa Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 5, 23-36.
- Hsieh, S. A., & Tseng, T. H. (2017). Playfulness in mobile instant messaging: Examining the influence of emoticons and text messaging on social interaction. *Computers in Human Behavior*, 69, 405-414.
- Izard, C. E. (2009). Emotion theory and research: Highlights, unanswered questions, and emerging issues. *Annual Review of Psychology*, 60, 1–25.
- Jarrell, A., & Lajoie, S.P. (2017). The regulation of achievements emotions: Implications for research and practice. *Canadian Psychology*, 58(3), 276-287.
- Krippendorff, K. (1980). *Content analysis: An introduction to its methodology*. Beverly Hills: Sage Publications.
- Leech, G. N. (1992). Corpus linguistics and theoris of linguistics performance. Dlm. Svartvik, J. (Eds.), *Directions in corpus linguistics: Proceedings of nobel symposium*, 82, 105-122.
- Lucas, G. (2016), *The Story of Emoji*. London: Prestel Publishing.
- McEnery, T., & Wilson, A. (2001). *Corpus linguistics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Nasroniazam Abu Bakar Sidiq. (2016). Pelusan makna kata nafi bukan dan tidak: Analisis korpus bahasa. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 73-84.
- Nelson, N. L., Hudspeth, K., & Russell, J. A. (2013). A story superiority effect for disgust, fear, embarrassment, and pride. *British Journal of Developmental Psychology*, 31, 334–348.
- Neuendorf, K.A. (2017). *The content analysis guidebook second edition*. USA: Cleveland State University.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2006). Budaya penyelidikan dan penerbitan bertamadun: Satu sinergi. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 6(2), 49-64.
- Nor Hashimah Jalaluddin., & Norsimah Mat Awal. (2006). Citra lelaki dulu dan kini dalam prosa Melayu: Analisis teori relevans. *Jurnal e- Bangi*, 1(1), 1-21.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2012). Korpus, teori dan aplikasi. Dlm. Fasal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, & Harishon Radzi (Peny.), *Pemantapan dan pembinaan ilmu linguistik berasaskan korpus* (hlm. 135-156). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Plutchik, R. (1980). *Emotion: Theory, research, and experience: Vol. 1. Theories of emotion, 1.* New York: Academic.
- Riordan, M.A. (2017). Emojis as tools for emotion work: Communicating affect in text messages. *Journal of Language and Social Psychology*, 1–19.
- Ruan, L. (2011). Meaningful signs? emoticons. *Theory and Practice in Language Studies* 1(1), 91–94.
- Sarkar, T., Shetty, N., & Humstoe, M. K. (2014). Emoticons and emotions: Contextual interpretation in text messages and consensus of meaning. *Learning Curve*, 3, 24-33.
- Scott, M. (2016). Wordsmith Tools 7.0 [Computer software]. Retrieved from [www.lexically.net/wordsmith/](http://www.lexically.net/wordsmith/)
- Sinclair, J. (1991). *Corpus, concordance, collocation.* Oxford: Oxford University Press.
- Siti Hamim Stapa, & Azianura Hani Shaari. (2012). Understanding online communicative language features in social networking environment. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(3), 817-830. <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/1057/957>
- Skovholt, K., Gronning, A., & Kankaanranta, A. (2014). The communicative functions of emoticons in workplace e-mails. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 19, 780-797.
- Soffer, O. (2010). “Silent Orality”: Toward a conceptualization of the digital oral features in CMC and SMS Texts. *Communication Theory* 20, 387–404.
- Stewart, D. (2010). *Semantic prosody: A critical evalution.* New York: Routledge Pub.
- Stubbs, M. (1996). *Text and corpus analysis: Computer-assisted studies of language and culture.* Oxford: Blackwell Publishers.
- Subashini, A. & Sobihatun Nur, A. S. (2017). Undergraduates' interpretation on Whatsapp smiley emoji. *Malaysian Journal of Communication*, 33(4), 89-103.
- Tigwell, Gareth W., & David R. F. (2016). “Oh That’s What You Meant!: Reducing Emoji Misunderstanding.” In Proceedings of the 18th International Conference on Human-Computer Interaction with Mobile Devices and Services Adjunct, 859–866. MobileHCI ’16. New York, NY, USA: ACM. doi:10.1145/2957265.2961844.
- Thompson, D. & Filik, R. (2016). Sarcasm in written communication: Emoticons are efficient markers of intention. *Journal of Computer Mediated Communication*, 21(2), 105-120.
- Tognini-Bonelli, E. (2001). *Corpus Linguistics at Work of Studies in Corpus Linguistics v6.* Amsterdam: John Benjamin.
- Tossell, C. C., Kortum, P., Shepard, C., Barg-Walkow, L. H., Rahmati, A., & Zhong, L. (2012). A longitudinal study of emoticon use in text messaging from smartphones. *Computers in Human Behavior*, 28, 659-663.
- Unicode. (2016). Unicode 8.0.0. Retrieved from <http://www.unicode.org/versions/>
- Unicode Inc. (2017). Emoji and Pictographs. Retrieved from [http://www.unicode.org/faq/emoji\\_dingbats.html](http://www.unicode.org/faq/emoji_dingbats.html)

## PENGHARGAAN

\*Penulisan kertas kerja ini ialah sebahagian daripada penulisan tesis Ijazah Doktor Falsafah yang sedang diusahakan oleh penulis (Norwati Mohd Zain), bersama penyelia (Dr. Hishamudin Isam) di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia.